

KONSEP MASA DALAM KATA KERJA ARAB DAN MELAYU

Sitti Nor Thurayya Khodari & Harun Baharudin
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Konsep Masa (tenses) dalam kata kerja bahasa Arab merupakan perbincangan yang ditimbulkan oleh ahli linguistik kontemporari rentetan permasalahan terhadap konsep ini dilihat masih belum dirumuskan dalam kaedah yang jelas dan praktikal. Pengetahuan tentang konsep masa terutama dalam kata kerja adalah penting kerana ia akan membantu memaknai dan memahami teks bacaan atau ucapan dengan lebih baik agar dapat diaplikasikan dalam ujaran dan penulisan Arab dengan lebih tepat. Dengan membandingkan konsep masa ini antara bahasa Arab dan bahasa Melayu, terdapat beberapa titik persamaan dan perbezaan yang wujud antara keduanya dari segi sistem kala, aspek masa, sistem morfologi serta penggunaan kata kerja bantu dan kata keterangan waktu. Natiujahnya, pendedahan berkaitan konsep masa dalam kedua-dua bahasa ini akan memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih jelas dalam menguasai bahasa Arab.

Kata kunci: Konsep masa (tenses); waktu, perbandingan, kata kerja Bahasa Arab, Bahasa Melayu

1.0 PENGENALAN

Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua bukan suatu perkara yang mudah (Baharudin, 2012; Mohammad Baihaqi & Farah Hanan, 2017), terutamanya pada konsep kala atau masa yang dianggap sebagai salah satu konsep yang cukup kompleks (Muhbib, 2015). Konsep Masa adalah bentuk verba atau serangkaian bentuk verba yang dipakai untuk mengungkapkan hubungan waktu (Hornby 1975; Quirk et al. 1985; Hartman & Stork 1976:235) (dlm Noor Suraiya, 2018). Walaupun dalam kalangan sarjana Arab mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan hubungan antara masa dan kata kerja dan secara umumnya bersetuju bahawa masa terdiri daripada tiga bahagian, iaitu yang telah lepas, sedang berlaku dan akan datang (Abdul Hussein & Ali Abdul Razzaq, 2008).

Memahami konsep masa Arab akan membantu memaknai teks bacaan atau ucapan dengan lebih baik dan mengaplikasikannya dalam kata-kata atau tulisan dengan lebih tepat. Namun begitu, tidak semua bahasa mempunyai sistem masa yang sama termasuklah bahasa Melayu (Noor Suraiya, 2018). Justeru, perbandingan antara bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (B1) dan bahasa Arab sebagai bahasa kedua (B2) atau bahasa asing diharap membantu memberikan pendedahan dan pemahaman yang lebih mudah dalam menguasai bahasa Arab.

Memahami makna sesuatu bahasa yang diungkapkan adalah perkara yang mempunyai hubungan dengan bidang leksikologi. Kemahiran memahami bahasa Arab dan mengaplikasikannya dalam konteks ayat yang tepat adalah satu tahap penguasaan yang harus dicapai oleh pelajar. Hal ini demikian kerana, memiliki kosa kata yang banyak namun sekadar menghimpunkannya tanpa digunakan dalam lisan mahupun tulisan, dianggap masih belum menguasai bahasa yang baik (Hasnurol et al., 2020).

Rentetan daripada kelemahan memahami makna struktur ayat akan turut memberi kesan kepada penterjemahannya. Ab. Halim (2012) berpendapat bahawa kesilapan terjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya penterjemah tidak memahami dengan baik struktur tatabahasa Arab dan fungsi perkataan yang disusun mengikut kaedah tatabahasa (Hasanah, 2017). Hal ini bermaksud, kelemahan dalam

memahami konsep masa bahasa Arab akan menyebabkan kesalahan memberi makna bagi sesuatu ayat bahasa Arab, terutamanya pada kata kerja Arab yang berkaitan dengan masa.

2.0 KONSEP MASA DALAM BAHASA ARAB

Perbincangan berkaitan masa melibatkan pemahaman bagi dua istilah yang hampir sama, iaitu az-zamaan (الزمان) dan az-zaman (الزمن). Muhammad Arif & Basmah, (2013) mendefinisikan az-zamaan (الزمان) membawa maksud ‘masa’ dari segi falsafah. Ia adalah berdasarkan pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Manakala perkataan az-zaman (الزمن) pula merujuk kepada ‘waktu’ atau ‘kala’ dari segi tatabahasa dan dinyatakan pada masa lalu dan sekarang. Perkataan al-jihah pula dikenali sebagai aspek, iaitu apa yang menjelaskan keadaan tertentu dalam kejadian sebenarnya.


Pandangan Sibawaiyh dalam karyanya al-Kitab merujuk konsep masa sebagai suatu perbuatan yang memiliki keterikatan dengan masa secara mutlak dengan beberapa siyagh tertentu untuk menunjukkan masa berlangsungnya perbuatan tersebut (Alif Cahya, 2011). Walaupun begitu, perkembangan linguistik Arab menunjukkan suatu pandangan yang sedikit berbeza. Sebagaimana direkodkan oleh Uswatun Hasanah (1991), Tammam Hasan berpendapat bahawa kata kerja dalam kaitannya dengan kala atau masa boleh dilihat dari dua sudut pandang, iaitu dari aspek bidang morfologi (sorf) dan sintaksis (nahu) (Alif Cahya, 2011). Kata kerja sekiranya ditakrifkan dari sudut morfologi merupakan bentuk pekerjaan yang berhubungan dengan waktu, dan mempunyai tiga bahagian iaitu fi’il madhi, fi’il mudhari’ dan fi’il amr (Alif Cahya, 2011).

Aspek yang kedua didefinisikan dari sudut sintaksis, iaitu terbahagi kepada masa madhi, mudhari’ atau hal, dan mustaqbal. Pandangan baharu yang dibawa oleh ahli linguistik kontemporari berkaitan konsep masa muncul rentetan permasalahan terhadap konsep ini masih belum dirumuskan dalam kaedah yang jelas dan praktikal walaupun bahasa ini telah lama digunapakai dalam komunikasi lisan mahupun tulisan (Muhbib, 2015). Ia diutarakan bagi melihat perubahan kepada sistem dan formulasi terhadap konsep masa yang bukan hanya mengadaptasi konsep masa dalam bahasa Inggeris (Abdul Hussein et al., 2008), bahkan sebagai pembinaan semula kepada pemikiran nahu dan sorf dalam bahasa Arab yang baharu (Muhbib, 2015). Fi’il madhi bukan sahaja menunjukkan perbuatan telah berlaku, ia juga boleh merujuk kepada konteks masa selain daripadanya seperti dalam kata kerja بَارَكَ اللهُ فِيْكَ yang bermaksud pengharapan atau doa yang akan berlaku. Begitu juga fi’il madhi yang digunakan selepas إِذْ dan إِذَا memberi maksud masa lalu dan masa depan (Abdul Hussien et al., 2008).

3.0 KONSEP MASA DALAM BAHASA ARAB BAGI KALA LEPAS BOLEH DIRUJUK DALAM RAJAH 1-7:


Al-Madhi Al-Basit (الماضي البسيط):

Kala lepas ini merujuk perbuatan yang telah berlaku tanpa melibatkan masa yang tertentu (Munjiyat, 2019). Fi’il Madhi digunakan dalam konteks masa ini adalah seperti كتب محمد الكتاب




Al-Madhi Al-Muntaha Bilhadir (المنتهى بالحاضر)

Kala lepas ini merujuk kepada perbuatan yang telah berlaku pada waktu yang lepas dan berakhir sebelum waktu ujaran dilafazkan. Fi’il madhi diiringi dengan kata kerja bantu qad (Munjiyat, 2019) adalah seperti قد جلس الضيف .




Al-Madhi Muttasil Bilhadir (المتصل بالحاضر)

Bentuk ini merujuk kepada perbuatan yang telah berlaku pada waktu lepas dan masih berlangsung ketika ujaran dilafazkan (Munjiyat, 2019). Kata kerja bantu *maa zala* digunakan (Munjiyat, 2019) adalah seperti *ما زالت السيارة تتحرك* .




Al-Madhi Al-Qorib (الماضي القريب)

Konteks kala ini merujuk kepada perlakuan yang telah dilakukan pada waktu lepas yang terdekat. Ia juga merujuk kepada *al-qorib al-munqoti'* (القريب المنقطع) (Muhammad Arif et al., 2015). Fi'il Madhi diiringi dengan kata kerja bantu *qad* adalah seperti *قد دخل المعلم*.




Al-Madhi Al-Ba'id (الماضي البعيد)

Konteks kala ini pula merujuk kepada perlakuan yang telah dilakukan pada waktu lepas yang lampau. Ia juga merujuk kepada *al-ba'id al-munqoti'* (البعيد المنقطع) (Muhammad Arif et al., 2015). Fi'il Madhi diiringi dengan kata kerja bantu *kaana* dan *qad* seperti *كان قد خرج قبل وصولي*.




Al-Madhi Al-Mutajaddid (الماضي المتجدد)

Kala pada konteks masa ini merujuk kepada perbuatan yang telah selesai berlaku pada masa lepas dalam situasi yang berulang kali dan berterusan dalam tempoh tertentu (Muhammad Arif et al., 2015). Fi'il Mudhori' digunakan bersama kata kerja bantu *kaana* seperti *كان يقرأ الكتاب*



Al-Madhi Al-Mustamir (الماضي المستمر)

Perbuatan yang telah dilakukan pada masa lepas namun menunjukkan sedang berlaku sewaktu penceritaan. Ia menyerupai penggunaan *was...ing* dalam bahasa Inggeris. (Muhammad Arif et al., 2015). Fi'il Mudhori' digunakan bersama kata kerja bantu *zholla* seperti *ظل الطفل يلعب كرتة*



Seterusnya, bentuk masa bagi kala kini boleh dirujuk seperti dalam Rajah 8-10 :


Al-Hal Al-Basit (الحال البسيط)

Perbuatan pada kala ini berlaku ketika ujaran dilafazkan tanpa melibatkan masa lepas dan masa akan datang (Muhammad Arif et al., 2015). Fi'il Mudhori' digunakan adalah seperti يقوم محمد




Al-Hal Al-A'di (الحال العادي)

Perbuatan yang dilakukan telah pun menjadi rutin atau tabiat sejak masa lepas sehingga waktu ujaran dilafazkan dan akan berlaku pada masa akan datang. Fi'il Mudhori' digunakan adalah seperti يصوم المسلمون في شهر رمضان.



Al-Hal Al-Mustamir (الحال المستمر)


Perbuatan yang dilakukan pada waktu ujaran dilafazkan telah dimulai dari kala lepas dan berterusan hingga kala akan datang. Fi'il Mudhori' digunakan seperti يعلم المعلم منذ الصباح. Ia juga boleh menggunakan kata kerja bantu yakuunu pada Fi'il Mudhori' (Munjiyat, 2019). seperti يكون الطالب يدرس



Seterusnya, konsep masa kala akan datang boleh dirujuk pada Rajah 11-14:


Al-Mustaqbal Al-Basit Lil Qorib (المستقبل البسيط للقريب)

Perbuatan dalam konteks kala ini menunjukkan akan berlaku pada masa yang terdekat. Fi'il Mudhori' digunakan bersama kata kerja bantu sa seperti سيرجع الأب غدا




Al-Mustaqbal Al-Basit Lil Ba'id (المستقبل البسيط للبعيد)

Perbuatan dalam konteks kala ini menunjukkan akan berlaku pada masa akan datang yang lebih jauh. Fi'il Mudhori' digunakan bersama kata kerja bantu saufa seperti سوف أرجع بعد شهرين




Perbuatan dalam konteks kala ini menunjukkan akan berlaku pada masa akan datang secara berterusan. Fi'il Mudhori' digunakan bersama kata kerja bantu sa dan yazhillu seperti سَيُظَلُّ يقوم في موقفه



Rajah 13

Al- Mustaqbal Al-Muhtamil (المستقبل المحتمل)

Perbuatan dalam konteks kala ini menunjukkan sesuatu yang mungkin akan berlaku pada masa akan datang. Fi'il Mudhori' digunakan bersama kata kerja bantu qad seperti قد ينجح المشارك



Jadual 1 menunjukkan ringkasan bagi konsep kala lepas, kini dan akan datang dalam bahasa Arab.

Jadual 1: Konsep Kala & Kata Kerja Bantu Arab

Bil	Kala (الزمن)	Bentuk /Kata Kerja Bantu	Aspek (الجهة)	Maksud
1.	(الماضي)	فعل	البسيط	Telah berlaku
		قد + فعل	المنتهى بالحاضر	Telah selesai berlaku pada ketika diucapkan
		ما زال	المتصل بالحاضر	Berlaku pada lepas dan masih berlaku pada ketika ia diucapkan
		قد + فعل	القريب	Berlaku pada masa lepas yang hampir
		كان + قد + فعل	البعيد	Berlaku pada masa lepas yang lampau
		كان + يفعل	المتجدد	Telah berlaku pada masa lepas dalam keadaan berulang kali dan berterusan dalam tempoh tertentu
		ظل + يفعل كان + يفعل	المستمر	Berlaku pada masa lepas dengan berterusan
		كاد + يفعل	المقارب	Tidak menunjukkan masa lampau sebaliknya memberi makna dekatnya perbuatan yang berlaku dengan ada bersamanya af'al al-muqoraobah
		طفق + يفعل	الشروعي	Tidak menunjukkan masa lampau sebaliknya memberi makna mula berlaku sesuatu perbuatan dengan ada bersamanya af'al asy-syuru'
عسى + يفعل	الرجاء	Tidak menunjukkan masa lampau sebaliknya memberi makna		

				pengharapan untuk berlaku dengan ada bersamanya af' al ar-rojaa'
2.	Sekarang (الحال)	يفعل يكون + يفعل	البسيط/ العادي المستمر/	Sedang berlaku/ Berlaku secara rutin/ /berterusan
3.	Akan datang (المستقبل)	س	البسيط للقریب	Akan berlaku pada masa akan datang (hampir)
		سوف	البسيط للبعید	Akan berlaku pada masa akan datang (lama)
		س + يظل + يفعل	المستمر	Akan berterusan berlaku
		قد + يفعل	المحتمل	Berkemungkinan akan berlaku

Selain itu, apa yang perlu difahami dalam konsep masa dalam bahasa Arab adalah berkaitan tentang penggunaan dilalat zamaniiyah, sama ada kata kerja bantu (الأفعال المساعدة) atau auxiliaries verb, kata keterangan waktu (ظرف الزمان) dan petunjuk penyerta dalam struktur ayat (قرائن) seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Contoh Kata Keterangan Waktu Dalam Bahasa Arab

Bil	Kala	Kata Keterangan Waktu	Maksud
1.	Lepas (الماضي)	الماضي/ السابق/ القديم	Lepas/lalu
		أنفا	Sebentar tadi
		قبل قليل	Beberapa ketika yang lalu
		الأمس	Semalam
2.	Sekarang (الحال)	الآن	Sekarang
		حاليا	Semasa ini
		اليوم	Hari ini
3.	Akan datang (المستقبل)	القادم/ المستقبل	Akan datang
		بعد قليل	Selepas beberapa ketika
		غدا	Esok

Konsep Masa Dalam Bahasa Melayu

Menurut Vendler (1967) dalam buku Nazilah (2017), perlakuan manusia dan aspek masa tidak boleh dipisahkan. Malah pemerhatian berkaitan aspek masa dalam kata kerja boleh diteliti dalam banyak bahasa, antaranya bahasa Inggeris (Dowty 1979; Hay et al., 1999; Van Valin, 2011), bahasa Mandarin (Jimmy Lin, 2004; Yi- Hsun Chen; 2011), bahasa Jepun (Yusuke Kubota, 2010), dan tidak ketinggalan juga bahasa Melayu (Jvh Wee Sew, 1999; Maslida, 2008). Walau bagaimanapun, bahasa Melayu tidak mempunyai sistem kala seperti bahasa Latin, Inggeris dan Belanda (Noor Suraiya, 2018). Menurut Karim & Maslida (2013) dalam kajian Noor Suraiya (2018) aspek waktu dalam bahasa Melayu berbeza dengan bahasa Inggeris kerana kala atau waktu sesuatu pekerjaan yang dilakukan dalam bahasa Melayu sering kali tidak dinyatakan kerana pendengar boleh menentukan waktunya berdasarkan hubungan dan konteks sesuatu ujaran.

Selain itu, aspek masa dalam bahasa Melayu tergolong dalam kata bantu (Noor Suraiya, 2018), iaitu merujuk kepada kata kerja yang digunakan sebagai penolong kata kerja lain seperti sudah, telah, pernah, masih, sedang, belum, akan dan sebagainya. Kata kerja bantu terbahagi kepada dua subsistem, iaitu kata kerja aspek dan kata kerja modalitas (Raja Masittah, 2010). Terdapat

aspek sudah berlaku, sedang berlaku, masih berlangsung atau belum berlaku seperti yang terdapat pada Jadual 3:

Jadual 3: Pembahagian Kata Kerja Aspek Dalam Bahasa Melayu

Bil	Subsistem	Kata Kerja
1.	Sudah berlaku	sudah, dah (dalam bahasa lisan), pernah, telah (dalam bahasa formal dan bahasa tulisan sahaja)
2.	Sedang berlaku	masih, sedang, tengah (dalam bahasa lisan)
3.	Belum/ akan berlaku	belum, akan, nak (dalam bahasa lisan)

Di samping itu, dalam bahasa Melayu, aspek masa turut diterjemahkan melalui penggunaan kata keterangan waktu. Beberapa contoh boleh dilihat pada Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Contoh Kata Keterangan Waktu Dalam Bahasa Melayu

Bil	Aspek Masa	Kata Keterangan Waktu
1.	Sudah berlaku	Semalam, lepas, lalu, kelmarin, sebelum ini
2.	Sedang berlaku	Kini, sekarang, ketika ini, saat ini
3.	Belum/ akan berlaku	Depan, akan datang, esok, lusa, kemudian, selepas ini

Secara keseluruhannya, aspek masa bagi bahasa Melayu dilihat tidak melibatkan sistem kala yang khusus sepertimana konsep kala dalam bahasa Arab. Bentuk kata kerja bahasa Melayu tidak mempengaruhi waktu sesuatu perlakuan, sebaliknya menggunakan kata kerja bantu aspek yang mana akan membantu pendengar memahami konteks masa yang ingin disampaikan dalam struktur ayat.

Perbandingan Antara Masa Arab Dan Melayu

Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan, dapat difahami bahawa bahasa Arab dan bahasa Melayu memiliki ciri-ciri konsep masa yang tersendiri. Perbezaan dan persamaannya adalah seperti berikut:

(a) Perbezaan Dari Segi Sistem Kala

Sistem kala bagi bahasa Arab adalah lebih kompleks berbanding bahasa Melayu. Bagi bahasa Arab, perbahasan kala tidak terbatas kepada madhi dan mudhori' sahaja, tetapi melibatkan keadaan waktu yang lebih luas. Manakala bagi bahasa Melayu, tiada sistem kala yang khusus kerana pendengar akan menentukan waktunya melalui hubungan dan konteks ujarannya.

Jadual 5 merujuk perkara tersebut:

Jadual 5: Perbandingan Dari Segi Sistem Kala

	Sistem Kala	Ciri-Ciri
Bahasa Arab	/	Kompleks
Bahasa Melayu	x	x

(b) Persamaan & Perbezaan Dari Aspek Masa

Sepertimana bahasa Arab yang mengkategorikan masa kepada tiga, iaitu kala lampau, kala kini dan kala akan datang, bahasa Melayu juga mempunyai aspek masa dalam kata kerja yang dilakukan bergantung kepada konteks ayat yang ingin diujarkan. Kala lampau merujuk kepada madhi (telah berlansung), kala kini adalah mudhori' (sedang berlangsung) dan kala lampau mustaqbal (akan berlangsung). Walau bagaimanapun, pembahagian makna bagi jenisnya hanya terdapat pada bahasa Arab. Ringkasan penerangan bagi perkara ini boleh dilihat pada Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Persamaan dan Perbezaan Dari Aspek Masa

	Kala lampau	Bahagian	Kala kini	Bahagian	Kala akan datang	Bahagian
Bahasa Arab	الماضي	-البسيط -المنتهى بالحاضر - المتصل بالحاضر -المستمر -القريب -البعيد -المتجدد	الحال	-البسيط -العادي -المستمر	المستقبل	-البسيط للقريب -البسيط للبعيد -المستمر -المحتمل
Bahasa Melayu	Sudah berlangsung	-	Sedang berlangsung	-	Akan berlangsung	-

(c) Perbezaan Dari Segi Sistem Morfologi Kata Kerja Kala.

Keunikan sistem morfologi Arab dapat dilihat pada kata kerja (fi'il) yang akan berubah berdasarkan kepada satu sistem kala yang lengkap mengikut tasrif yang telah ditetapkan sama ada tasrif fi'il madhi ataupun tasrif fi'il mudhari'. Perubahan bentuk ini seterusnya akan membawa kepada perubahan dari segi makna perkataan tersebut (Azhar, 2005). Berbeza dengan bahasa Melayu, sistem morfologi bagi konsep kala tidak melibatkan perubahan kepada struktur perkataan kata kerja tersebut, sebaliknya hanya melibatkan penggunaan kata kerja bantu aspek. Hal ini dapat diterjemahkan dalam Jadual 7 yang berikut:

Jadual 7 Perbezaan Dari Segi Sistem Morfologi Kata Kerja Kala

	Morfologi	Makna
Bahasa Arab	Berlaku perubahan bentuk wazan	Berubah mengikut wazan fi'il madhi atau fi'il mudhori'
Bahasa Melayu	Tidak berlaku perubahan bentuk	Tidak berlaku perubahan kepada makna kata kerja

d) Penggunaan Kata Kerja Bantu dan Kata Keterangan Waktu

Selain itu, elemen yang boleh dibuat perbandingan antara masa bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah dari segi penggunaan dilalat zamaniyyah. Kedua-dua bahasa menggunakan kata kerja bantu dan kata keterangan waktu. Jadual 8 menunjukkan perbandingan ini.

Jadual 8 Persamaan Dari Segi Penggunaan Kata Kerja Bantu

	Kata Kerja Bantu	Kata Keterangan Waktu
Bahasa Arab	/	/
Bahasa Melayu	/	/

4.0 PENUTUP

Dapat dirumuskan bahawa konsep masa dalam bahasa Arab perlu diperluas perbahasannya memandangkan kajian secara mendalam dan jelas berkaitan cabang ilmu bahasa ini masih belum diketahui ramai, terutamanya pelajar di peringkat sekolah. Perbandingan konsep masa antara bahasa Arab dan bahasa Melayu ini diharap sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada titik persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa. Perkembangan ilmu linguistik ini perlu diteruskan agar penggunaan kata dan frasa Arab yang digunakan dalam teks dan ujaran yang bertepatan dengan kehendak makna yang ingin disampaikan.

5.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad, Wan Muhammad Wan Sulong & Muhd Zulkifli Ismail. 2012. Kesalahan Penterjemahan Struktur Ayat Arab ke Dalam Bahasa Melayu. Kertas 161, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2017) Kertas Kerja Prosiding Nadwah Serantau Bahasa & Kesusasteraan Arab ke-3, Jabatan Bahasa Arab UPM, 3-4 Oktober.
- Abdul-Hussein Kadhim & Ali Abdul-Razzaq Ja'far. 2008. Time, Tense, & the Verb Form in Arabic & English. *Majallah Al-Qodisiyyah Fil Adaab Wa Al -Ulum At-Tarbawiyah*, Vol 1-2, Bil 7, 99-112.
- Alif Cahya Setiyadi. 2011. Konsep Zaman Dalam Nahwu (Tinjauan Sintaksis Semantis). *Jurnal At-Ta'dib*, Vol 6, No 2, Desember 2011, 223-238.
- Azhar Muhammad. 2005. Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran . *Jurnal Teknologi*, 42 (E) Jun.2005, Universiti Teknologi Malaysia , 61-76.
- Baharudin Shahman. 2012. Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu. Universiti Malaya .
- Hasanah bt Ikhsan. 2017. Kata Kerja Imbuhan Arab-Melayu: Kajian Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Menterjemah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2017) e-ISSN: 2289-8042.*, 149-161
- Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad. 2020. Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna Dan Penggunaannya . *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 21 (2020), 157-171.
- Mohammad Baihaqi Hasni & Farah Hanan Aminallah. 2017. Analisis Kontrastif Dalam Penggunaan Gender Antara Bahasa Arab dan Melayu Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di Universiti Malaysia Pahang . *Journal of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol 1; No 1 (2017), Eissn24621714, 100-109.
- Muhammad Arif Ali & Basmah Ahmad Dajjani. 2015. Problems Faced By English- Speaking Student When Learning Verbs Associated With Tense and Aspect The Arabic. *Dirasaat, Al-Ulum Al-Insaniyyah*. Vol 42, Bil 2, 503-516.
- Muhbib Abdul Wahab. 2015. Formulasi Konsep Tenses Dalam Bahasa Arab Kontemporer (Analisis Linguistik Terhadap Pemikiran Nahwu Tammam Hassan).
- Munjiyat. 2019. Az-Zawahir Az-Zamaniyyah Fil Lughah Al-Arabiyyah Wa Aatharuha Fi At-Tarjamah. *Asalibunaa*, Vol 3. Bil 1. Jan-Jun, 33-42.
- Nazilah Mohamad 2017. Aspek Masa Dalam Kata Kerja Bahasa Melayu : Penelitian Terhadap Kata Kerja Darjah Pencapaian. In *Dialog Kajian Melayu Kontemporari* . Terengganu : Universiti Sultan Zainal Abidin .
- Nguyen Thanh Huy. 2016. Using Timelines And Concept Questions In Teaching Present Tenses - A Theoretical Research. *International Journal of Multidisciplinary Academic Research* Vol. 4, No. 3, 2016, 27-34.
- Noor Suraiya bt Mutalib . 2018. Kala Dalam Bahasa Arab: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana* Vol. 2 (2) Jun 2018, 1-13.
- Noriah Mohamed & Radiah Yusoff 2014. Pendekatan Kontrastif Dan Komparatif Bahasa-Bahasa Di Malaysia . Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Raja Masittah Raja Ariffin. Ariffin. 2010. Analisis Kata Kerja dan Frasa Kerja Bahasa Melayu Kokos di Pulau Home Australia. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 298-321.
- Uswatun Hasanah .1990-1991. Analisis Kontrasif Antara Bahasa Arab Dan Bahasa Indonesia (Sistem Waktu dan Definite Indefinit), Laporan Peneiti .
- Yanti Salina Shaari, Khairul Bahri As, Jamilah Bebe Mohamad, Mardhiyyah Zamani & Razali Jr. (2017). Jabatan Bahasa Asing, PBMSK, Universiti Malaysia Pahang .

Yasir Alotaibi. 2020. Verb Form and Tenses in Arabic . International Journal of English
Lingusitics, Vol 10, No 5, ISSN 1923-869X E-ISSN 1923-8703, 284-300.